

**GARIS PANDUAN GERAN FUNDAMENTAL FAKULTI PERUBATAN (GFFP) UKM**

1. Syarat-syarat permohonan bagi permohonan Geran Fundamental Fakulti Perubatan (GFFP)  
*Geran Fundamental Fakulti Perubatan (GFFP) guidelines*
  - i. Maksimum geran yang boleh dimohon ialah RM50,000.00 setiap tahun setiap penyelidik utama.  
*The maximum grant that can be applied for is RM50, 000.00 per year per principal investigator.*
  - ii. Had maksimum bagi setiap permohonan ialah RM30,000.00 sebagai penyelidik utama dan had minimum ialah RM100.00.  
*The maximum limit for each application is RM30, 000.00 as a principal investigator and the minimum limit is RM100.00.*
  - iii. Permohonan lebih daripada RM15,000.00 perlu dibentangkan ke Jawatankuasa Penilaian GFFP.  
*Applications of more than RM15, 000.00 must be presented to the GFFP Evaluation Committee.*
  - iv. Output penyelidikan bagi projek yang telah tamat (jumlah geran RM15,000.00 dan ke atas) hendaklah dilampirkan bagi setiap permohonan lebih daripada RM15,000.00.  
*Research output for completed projects (grant amount of RM15, 000.00 and above) must be attached for each application of more than RM15, 000.00.*
  - v. Penyelidik utama harus menunjukkan prestasi yang memuaskan bagi projek yang masih aktif di dalam SMPU.  
*The principal investigator should show satisfactory performance for projects that are still active in SMPU.*
  - vi. Ketua projek yang tidak mencapai prestasi yang memuaskan bagi tempoh 3 tahun tidak dibenarkan untuk membuat permohonan baru.  
*Principal investigator who do not achieve satisfactory performance for a period of 3 years are not allowed to make a new application.*
  - vii. Setiap kelulusan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penilaian GFFP dan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) dan ia adalah muktamad.  
*Each approval is subject to the decision of the GFFP Evaluation Committee and the Deputy Dean (Research & Innovation) and it is final*
2. Pindaan vot dan perincian perbelanjaan hanya dibenarkan sehingga 3 kali pindaan sahaja. Permohonan pindaan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya dalam tempoh 6 bulan dari permohonan sebelumnya.  
*Votes and expenditure amendments are allowed up to 3 times only. The application must be made at least within 6 months of the previous application.*
3. Untuk penyelidikan yang dijalankan di luar Malaysia, perbelanjaan di luar Malaysia tidak dibiaya.  
*For research conducted outside Malaysia, expenses outside Malaysia are not funded.*
4. Perbelanjaan dibawah peruntukan GFFP adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi vot perbelanjaan berikut:  
*Expenses approved under GFFP:*
  - a) **Vot 21000- Perjalanan dan Pengangkutan**  
**Tuntutan perjalanan yang dibenarkan untuk pelajar sahaja dengan tujuan pengumpulan data dan menghadiri persidangan dalam negara. Kadar tuntutan adalah sebanyak RM0.40/km. Permohonan tuntutan perjalanan yang diluluskan perlu menggunakan**

**borang tuntutan perjalanan yang menyatakan kod projek dan ditandatangani oleh penyelia. Jumlah tuntutan perjalanan adalah tidak melebihi RM1, 000.00.**

*Mileage claims allowed for students only with the purpose of collecting data and attending conferences. The rate is RM0.40/km. Mileage claim can be requested by filling up the travel claim form stating the project code and signed by the supervisor. The total travel claim must not exceed RM1, 000.00.*

**b) **Vot 24000- Sewaan****

**Sewaan hanya dibenarkan untuk sewa ruang, peralatan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.**

*Rental is allowed for space rental, inventory and other item directly related for research.*

**c) **Vot 27000- Bekalan dan Bahan Penyelidikan Bahan-bahan kimia dan bekalan penyelidikan pakai habis.****

*Chemicals and consumable research supplies*

**d) **Vot 29000- Perkhidmatan Ikhtisas****

i) Rawatan dan ujian yang melibatkan pesakit PPUKM khusus untuk penyelidikan. Permohonan mengikut kadar caj yang diluluskan oleh PPUKM (kadar caj boleh dirujuk di Unit Hasil & Taksiran, Jabatan Kewangan, PPUKM). Perlu perincian rawatan/ujian yang dijalankan.

*Treatment and tests involving UKMMC patients dedicated to research. Rates are according to charges approved by UKMMC (charging rate can be referred to Unit Hasil & Taksiran, Jabatan Kewangan, PPUKM). Please state details of the treatment/test.*

ii) Honorarium/token kepada responden adalah dibenarkan (kadar bayaran adalah maksimum RM25 sahaja bagi setiap responden). Jumlah bayaran honorarium/token responden adalah tidak melebihi RM 1, 000.00

*Token/honorarium to respondents is allowed (rate is maximum RM 25 only per respondents). The total token/honorarium payment must not exceed RM1, 000.00.*

**5. Perbelanjaan yang **TIDAK** dibiaya di bawah Peruntukan Geran Fundamental Fakulti Perubatan.**

*Expenses NOT funded under the Peruntukan Fundamental Faculty Grant.*

1) Alat Tulis <i>Stationery</i>	12) Aset/Peralatan/Aksesori penyelidikan <i>Assets/ Inventory</i>
2) Fotokopi <i>Photocopy</i>	13) Pendrive/CD/External Hard disk <i>Pendrive/CD/External Hard disk</i>
3) Urusan Pos (setem dsb) <i>Postal items (stamp, etc)</i>	14) Cetakan Jurnal <i>Journal printing</i>
4) Laptop/IPad/Telefon bimbit dsbnya <i>Laptop/IPAD/Mobile Phone etc.</i>	15) Kad Prabayar/Bil Telefon <i>Prepaid Card / Telephone Bill</i>
5) Dakwat pencetak <i>Printer Toner</i>	16) Jamuan ringan <i>Refreshments</i>
6) Pencetak <i>Printer</i>	17) Poster/pamphlet <i>Poster / pamphlets</i>
7) Kertas A4 <i>A4 paper</i>	18) Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai <i>Maintenance and renovation</i>
8) Elaun Makan <i>Meal allowance</i>	19) Yuran Persidangan/Seminar/Bengkel <i>Conference/Seminar/Workshop fee</i>
9) Penginapan <i>Accommodation</i>	20) Upah kepada pembantu penyelidik/GRA <i>Research assistant/GRA salary or allowance</i>
10) Perbelanjaan untuk penjilidan tesis <i>Expenses for binding thesis</i>	21) Bayaran honorarium kepada enumerator <i>Honorarium payment to enumerator</i>
11) Perjalanan untuk berjumpa penyelia <i>Transportation to meet the supervisor</i>	
Lain-lain perkara mengikut kepada keputusan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) <i>Other items are subject to the decision of the Deputy Dean (Research &amp; Innovation)</i>	

### **SYARAT-SYARAT PENERBITAN GERAN FUNDAMENTAL FAKULTI PERUBATAN**

<b>KATEGORI DANA</b>	<b>KPI PENERBITAN</b>
RM 25,000.00 - RM 30,000.00	Penyelidik wajib menerbitkan sekurang-kurangnya : <ul style="list-style-type: none"><li>• satu (1) artikel dalam Jurnal Terindeks WOS (Q1-Q2)</li></ul>
RM 15,000.00 – RM 24,999.99	Penyelidik wajib menerbitkan sekurang-kurangnya : <ul style="list-style-type: none"><li>• satu (1) artikel dalam Jurnal Terindeks WOS (Q3-Q4)</li></ul>
RM5,000.00 – RM 14,999.00	Penyelidik wajib menerbitkan sekurang-kurangnya : <ul style="list-style-type: none"><li>• satu (1) artikel dalam Jurnal Terindeks (sekurang-kurangnya ESCI atau SCOPUS)</li></ul>
RM100.00 – RM4,999.99	Penyelidik wajib menerbitkan sekurang-kurangnya : <ul style="list-style-type: none"><li>• satu (1) artikel dalam Jurnal Tidak Terindeks ATAU</li><li>• dua (2) lain-lain penerbitan</li></ul>
<p>*Lain-lain penerbitan ialah seperti kajian kes, laporan teknikal, laporan komprehensif, artikel majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan dari persidangan, digital atau media cetak. * Setiap penerbitan hendaklah meletakkan GFFP sebagai penghargaan pada kedudukan pertama *Penerbitan perlu didaftar dalam sistem e-repositori dalam masa 6 bulan selepas tarikh tamat projek penyelidikan.</p>	

*Tarikh kuatkuasa: 21 Jun 2023*